

## **FARAID**

Harta pusaka merupakan salah satu sumber Baitulmal yang telah ditetapkan mengikut hukum faraid di mana Baitulmal merupakan tempat rujukan terakhir sekiranya sesuatu harta pusaka itu tiada pewaris atau terdapat baki harta setelah diberikan kepada waris-waris yang berhak.

Ia berdasarkan kitab 'al-Muktamad Fi Fiqhi Syafii' karangan Dr. Muhammad Zuhailai :

*Baitulmal mewarisi harta pusaka si mati sekiranya si mati itu tidak meninggalkan waris atau masih terdapat baki harta (selepas dibahagikan kepada ashabul-furud atau tidak ada asabah) dan harta pusaka itu haruslah digunakan untuk maslahat orang Islam.*

Berdasarkan kitab Raudah al-Talibin karangan Imam An-Nawawi jilid 5, halaman 6-7 bermaksud:

*"Sekiranya si mati tidak meninggalkan waris fardu, dan tidak meninggalkan waris asabah, maka hendaklah diwarisi oleh dzawil arham. Pada pandangan kami, sesungguhnya pendapat yang sahih dzawil arham itu tidak mewarisi dan tidak juga dipulangkan lebih harta, iaitu dalam keadaan bilamana urusan baitulmal ditadbir dengan baik dengan diperintah oleh pemimpin yang adil."*

Di dalam kitab Al-Mawarith fi Al-Syariah Al-Islamiyyah fi Dhauil Kitab wa Al-Sunnah, karangan Al-Syeikh Muhammad Ali Al-Sobuni, cetakan kelima, percetakan Al-Sobuni, tahun 1407H/1987M menyatakan, pendapat Imam Malik dan Imam Syafi'e bahawa dzawil arham atau para kerabat tidak berhak mendapat waris. Lebih jauh mereka mengatakan bahawa bila harta pusaka bagi waris yang tidak ada ashabul furudh atau 'asabah yang mengambilnya, maka hendaklah dilimpahkan kepada Baitulmal kaum muslimin untuk disalurkan demi kepentingan masyarakat Islam pada umumnya. Dengan demikian, tidak dibenarkan jika harta tersebut diberikan kepada dzawil arham. Di antara mereka yang berpendapat demikian ialah Zaid bin Thabit r.a. dan Ibnu Abbas r.a. dalam sebahagian riwayat darinya.

Dalil yang dijadikan landasan oleh Imam Malik dan Syafi'e ialah:

1. Asal pemberian hak waris atau asal penerimaan hak waris adalah dengan adanya nas syar'ie dan qat'ie dari Al-Qur'an atau Al-Sunnah. Dalam hal ini tidak ada satu pun nas yang pasti dan kuat yang menyatakan wajibnya dzawil arham untuk mendapat waris. Jadi, bila kita memberikan hak waris kepada mereka (dzawil arham) bererti kita memberikan hak waris tanpa berpandukan kepada dalil yang pasti dan kuat. Hal seperti ini menurut syariat Islam adalah batil.

Rasulullah S.A.W. ketika ditanya tentang hak waris ibu saudara baik dari sebelah bapa ataupun ibu, baginda menjawab: "Sesungguhnya Jibril telah memberitahu kepadaku bahawa dari keduanya tidak ada hak menerima waris sedikit pun."

Memang sangat jelas betapa dekatnya kekerabatan saudara perempuan bapa ataupun saudara perempuan ibu dibandingkan kerabat lainnya. Maka jika keduanya tidak berhak untuk menerima harta waris, kerabat lain pun demikian. Sebabnya tidak mungkin dan tidak dibenarkan kita memberikan hak waris kepada kerabat lain, sedangkan ibu saudara tidak layak mendapatkannya. Berdasarkan kaedah fiqh ianya dikenali sebagai tarjih bilaa murajjih yang bererti batil.

2. Harta peninggalan, bila ternyata tidak ada ahli warisnya secara sah dan benar, baik dari ashabul furudh ataupun para 'asabah bila diserahkan ke Baitulmal akan dapat mewujudkan kemaslahatan umum, sebab umat Islam akan ikut merasakan faedah dan kegunaannya. Namun sebaliknya, bila diserahkan kepada kerabatnya, maka kegunaan dan faedahnya akan sangat minimum, dan hanya kalangan mereka saja yang merasakannya. Padahal dalam kaedah usul fiqh telah ditegaskan bahawa kemaslahatan umum harus lebih diutamakan daripada kemaslahatan peribadi.

Berdasarkan undang-undang negara, ia juga telah diperuntukkan di bawah Seksyen 13(1), Akta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 iaitu antara lain menyebut, "Dengan syarat jika ada undang-undang bertulis yang berkuat kuasa berhubungan dengan Baitulmal, Pentadbir Tanah hendaklah sebelum membahagikan apa-apa bahagian harta pusaka si mati beragama Islam, memuaskan dirinya bahawa apa-apa bahagian harta pusaka yang kena dibayar kepada Baitulmal telah dibayar sewajarnya atau peruntukan sesuai telah dibuat bagi pembayarannya."

Manakala secara praktikalnya di Negeri Sabah, ia telah diperuntukkan di bawah Seksyen 20 (2), (L), Enakmen Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah 1998 iaitu, 'Semua harta atau wang warisan orang-orang Islam, sama ada si mati tidak berwaris atau harta atau wang itu tidak dihabiskan oleh waris yang boleh menerimanya, hendaklah diserahkan kepada Baitulmal.'